

## **11<sup>th</sup> Borneo Research Council Conference**

### **IDENTITIES CULTURE ENVIRONMENTS**

25 – 27 June 2012, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam

### **Patung Burung Kenyalang Iban Sarawak**

Oleh

Anna Durin

Connie Lim Keh Nie

Noria Tugang

Hashim Awang A. R.

E-mail : [danna@faca.unimas.my](mailto:danna@faca.unimas.my)

### **Abstrak**

Pada zaman tradisi mereka masyarakat Iban mengamalkan kepercayaan animisme. Oleh yang demikian mereka banyak mengadakan ritual pemujaan. Satu daripada ritual itu ialah ritual *Gawai Kenyalang*. Semasa ritual *Gawai Kenyalang*, patung burung kenyalang dijampi supaya kuasa ghaib atau kuasa luar biasa masuk ke dalam patung itu. Kemudian patung tersebut diarak di sepanjang *ruai* rumah panjang untuk dijampi dengan lagu mentera menjemput dewa-dewi yang berada di alam ghaib untuk datang ke ritual berkenaan. Tujuan jemputan itu ialah supaya mereka datang membawa berkat untuk memudahkan rezeki dan juga untuk melindungkan penghuni rumah panjang berkenaan dari segala bahaya. Pada zaman dahulu ritual *Gawai Kenyalang* mempunyai kaitan dengan aktiviti *ngayau* (*headhunting*). Setelah *ngayau* tidak dilakukan lagi maka ritual *Gawai Kenyalang* hanya digunakan untuk mendapat berkat. Oleh kerana zaman sekarang ramai masyarakat Iban yang telah menganut agama Kristian maka fungsi tradisi patung burung kenyalang juga telah berubah. Ia berubah daripada alat ritual kepada alat perhiasan. Patung-patung itu telah dihasilkan untuk tujuan komersil. Oleh kerana patung burung kenyalang yang dibuat pada zaman sekarang tidak berkait dengan kepercayaan tradisi maka kebanyakan rupa bentuknya lebih kecil daripada yang digunakan untuk tujuan ritual. Namun masih terdapat juga segelintir kecil daripada masyarakat Iban yang masih boleh mengukir patung kenyalang dan juga terdapat juga yang masih menyimpan patung kenyalang yang pernah digunakan untuk mempersembahkan ritual pada waktu upacara *Gawai Kenyalang*. Dengan itu, dicadangkan pemeliharaan seni patung burung kenyalang diteruskan kerana patung burung kenyalang itu juga adalah satu daripada lambang, simbol atau identiti masyarakat Iban.

**Kata Kunci:** Iban, ritual, kenyalang, animisme.

### **Pengenalan**

Tujuan utama kertas ini adalah untuk membincangkan patung burung Kenyalang dalam konteks kehidupan harian masyarakat Iban Sarawak.<sup>1</sup> Patung burung Kenyalang dipilih

---

<sup>1</sup> Masyarakat Iban adalah penduduk yang paling ramai dan mereka yang mempunyai bilangan kira-kira tiga puluh peratus daripada keseluruhan jumlah penduduk negeri Sarawak. Kebanyakan mereka tinggal di dataran rendah atau tanah pamah seperti di daerah Saribas dan kawasan sungai Rejang. Pada zaman sekarang ramai di antara orang Iban sudah berhijrah dan menetap di bandar-bandar negeri Sarawak seperti bandaraya Kuching, Sibu dan Miri.